

# No'man Ahmad Presiden PPUMS baharu

UB 25.03.2021 P.4

**KOTA KINABALU:** Ketua Pegawai Operasi Bayu Prima Resources, anak syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS) No'man Ahmad dipilih untuk menerajui Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UMS (PPUMS) bagi sesi 2021/2023.

Beliau dipilih sebagai Presiden PPUMS selepas satu sesi pemilihan Majlis Tertinggi PPUMS Sesi 2021/2023 yang diadakan secara dalam talian berlangsung selepas perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PPUMS Kali Ke-15 yang berlangsung di Galeri Majlis, Bangunan Canselor UMS baru-baru ini.

Dengan pemilihan itu, No'man menggantikan Timbalan Bendahari Kanan Mohamad Edrus Othman yang menerajui persatuan itu sejak 2019.

Turut mengisi jawatan Majlis Tertinggi PPUMS bagi sesi 2021/2023 adalah Timbalan Pendaftar Kanan Tuan Haji Firdaus Abdullah yang terpilih sebagai Timbalan Presiden, Penolong Pendaftar Kanan Mohammad Wazir Shafie Aliasah sebagai Setiausaha Agung, Penolong Pendaftar Kanan Syed Mohd Mahyuddin Syed Satrisebagai Pemangku Penolong Setiausaha, dan Penolong Bendahari Atika Shaifuddin sebagai Pemangku Bendahari.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan itu berkata, adalah harapan pihak pengurusan universiti



**ALBUM:** Taufiq (tiga dari kanan) bersama-sama pegawai utama UMS merakamkan gambar bersama ahli-ahli PPUMS yang hadir secara fizikal pada mesyuarat agung tahunan PPUMS.

agar barisan kepimpinan yang dipilih mampu memikul tanggungjawab dengan penuh amanah dan berdedikasi.

“Semoga kepimpinan baharu ini akan memberikan idea-idea baharu, di samping meneruskan aktiviti sedia ada yang bermanfaat serta dapat memberikan nilai tambah terbaik kepada semua ahlinya.

“Ini termasuklah kepelbagaiannya aktiviti yang boleh disertai oleh semua ahli dan tidak terhad kepada sebilangan individu sahaja terutamanya dalam situasi perubahan dunia kini,” katanya.

Dalam pada itu, Mohammad Edrus memaklumkan PPUMS telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk dimanfaatkan bersama semua ahli yang merangkumi aspek peningkatan profesionalisme, kemahiran, kebijakan ahli serta rekreasi serta ukhuwah dan persefahaman.

“Walaupun terpaksa mengharungi cabaran dalam melawan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020 dan



**PENGHARGAAN:** Taufiq (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada Edrus.

dilanjutkan sehingga kini, PPUMS sentiasa sedaya upaya menyediakan pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan melalui platform atas talian, antaranya siri PPUMS Stay @ Home selari dengan situasi semasa yang dihadapi.

“Melalui program sumbangan COVID-19: PPUMS Prihatin juga persatuan telah menghulurkan bantuan kepada ahli-ahli yang terjejas) bagimeringankan beban kaktangan yang terkesan akibat pandemik ini,” katanya.

Turut hadir pada mesyuarat agung tahunan itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin, Pendaftar UMS Luqman Ridha Anwar, Bendahari UMS Zallifah Shadan, Ketua Pustakawan UMS Tuan Haji Zawawi Tiyunin, serta wakil Persatuan Staf Akademik Universiti Malaysia Sabah (PSAUMS) dan Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS).